

IPMB tingkat kualiti benih ikan

► Bagi hasilkan pengeluaran berkualiti, bermutu tinggi

Oleh SADDAM EDRIS

UB 4.8.2017 BS
KOTAKINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) terus meningkatkan kualiti benih ikan dari semasa ke semasa bagi mendapatkan hasil pengeluaran yang bermutu tinggi kepada pengusaha industri penternakan di negeri ini.

Pengarah IPMB Profesor Dr Rossita Shapawi berkata setakat ini, IPMB sudah berjaya melaksanakan pelbagai projek melibatkan bidang

akuakultur bersama komuniti setempat termasuklah beberapa agensi berkaitan.

"Akuakultur adalah bidang keutamaan UMS dan kita sudah menerima RM5 juta dari kerajaan melalui Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bagi melaksanakan pelbagai projek termasuklah Skim Geran Penyelidikan Nic (NRGS) bagi lima tahun.

"Projek NRGS yang dilaksanakan secara bersiri dan masuk tahun keempat ini sudah banyak memberi output yang cukup baik dan pastinya memberi potensi

untuk kita meluaskan lagi pemasaran benih ikan," katanya ketika ditemui pada Bengkel mengenai Spesies Nilai Tinggi Akuakultur Ekologi di bilik seminar IPMB UMS, di sini pada Khamis.

Rossita berkata, penghasilan benih ikan daripada IPMB juga berjaya menarik beberapa syarikat besar termasuk dari Russia untuk mendapatkan panduan berkaitan pelaksanaan projek akuakultur yang sistematik dan diterima oleh masyarakat umum.

Katanya, ia membuktikan bahawa benih ikan yang dihasilkan oleh IPMB cukup standard dan mampu menerima permintaan sekaligus mengurangkan kebergantungan terhadap pembekalan benih ikan dari luar negara.

Selain itu katanya, IPMB juga sedang fokus menjalankan proses aruhan kepada ternakan timun laut atau dikenali balat memandangkan spesies berkenaan semakin diancam kepupusan.

"Usaha ini menjadi salah satu cabaran buat kita untuk terus memelihara sebaik mungkin kerana proses ketumbesaran yang memakan masa bertahun-tahun sebelum dijual.

"Jika kita tinjau di pasar, harga balat juga semakin melambung tinggi sehingga mencecah RM2,000 sekilogram (kg) disebabkan spesies ini sentiasa mendapat ancaman walau pada usia yang belum matang," jelasnya.

Sementara itu, program bersiri yang berlangsung selama dua hari bermula kelmarin melibatkan 30 peserta terdiri daripada rakan projek NRGS dan ahli koperasi akuakultur.

Tujuh projek disampaikan sempena bengkel itu seperti kemahiran akuakultur bersepadu, pembenihan balat, kajian kupang, kerapu kacukan, proses penetapan kualiti benih, serta keberkesanan terhadap kelestarian alam sekitar.

“Usaha ini menjadi salah satu cabaran buat kita untuk terus memelihara sebaik mungkin kerana proses ketumbesaran yang memakan masa bertahun-tahun sebelum dijual.”

PROFESOR DR ROSSITA SHAPAWI

Pengarah IPMB



ROSSITA (baris depan, empat kiri) merakam gambar kenangan bersama peserta bengkel berkenaan.